



Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Sebahagian pesara yang hadir Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-12 mengabadikan kenangan bergambar beramai-ramai bersama Puan Nor Azizah Ismail, Pendaftar UTM dan Yang DiPertua PESUTM, Prof. Emeritus Dato Dr Ahmad Darus bertempat di Dewan Astana Kolej Tuanku Canselor pada 19 Mac 2023.

Inti Pati Ucapan Pendaftar

Antara ucapan Puan Pendaftar semasa merasmikan Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-12 yang berhubung dengan pesara ialah

"Pihak pengurusan universiti mengharapkan serta mengalu-alukan kesediaan para pesara yang berpengalaman dan berkemahiran dapat memberikan sumbangan untuk terlibat untuk sama dalam program pembangunan staf seperti "team building" bagi staf baharu dan juga dalam program "mentoring" staf yang sedia ada.

Selain itu, inisiatif yang sedang dan terus dilaksanakan oleh pihak pengurusan berkaitan dengan pembangunan kerjaya staf'.

Tahniah AJK Baru Sesi 2023/25

YANG DIPERTUA : Prof. Emeritus Dato Dr. Ahmad Darus

TIMBALAN YANG DIPERTUA : Tuan Haji Salleh Mohamad

SETIAUSAHA : Saudara Roslan Abd Ghani

PENOLONG SETIAUSAHA : Haji Ansar Sidek

BENDAHARI : Haji Jamaludin Harun

AJK LANTIKAN

PENOLONG BENDAHARI : Dr. Hafizah Harun 1. Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris

2. Cik Siti Zaiton Borham

AHLI JAWATANKUASA

1. Haji Ismael Samat

2. Haji Dahari Derani **JURUAUDIT**

3. Haji Khalid Mazlan 1. Haji Mohd Afifi Mukti

4. Haji Zainul Rashid Abu Bakar 2. Dr. Mohd Zaimi Abd Majid

5. Puan Kasumabahri Masjuriah

Baharum Basar **PEMEGANG AMANAH**

6. Puan Ramlah Husin 1. Prof. Emeritus Dato Dr. Alias Mohd Nor

7. Puan Abrizah Abdul Rahim 2. Prof. Emeritus Dr. Ismail Kailani

8. Haji Bakri Mohd Dahlan 3. Haji Abd Jaafar Shafie

9. Encik Zainal Abidin Hassan

Alu-aluan Yang DiPertua

1. Mengucapkan terima kasih kepada ahli yang hadir.
2. Terima kasih kepada Puan Nor Azizah Ismail kerana sudi merasmikan Mesyuarat Agung serta memberikan penerangan tentang perkembangan semasa tentang universiti.
3. Pemilihan AJK Baru diadakan pada mesyuarat ini.
4. Satu usul akan dibentangkan dalam mesyuarat ini iaitu cadangan pindaan Perlembagaan berkaitan keahlian

FAKTA MESYUARAT AGUNG PESUTM KALI KE-12 : 1. Ahli yang hadir 60 orang. 2. Jumlah ahli 778 orang. 3. 17 ahli dilantik menganggotai AJK PESUTM. 4. Yang DiPertua PESUTM sesi 2021/2023 dilantik sekali lagi. 5. Satu usul diterima dengan pindaan. 6. Mesyuarat Agung dirasmikan Pendaftar UTM, Pn Nor Azizah Ismail.



Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail (Naib Canselor UTM) sempat meluangkan masa berfoto bersama Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM selepas sesi perbincangan dalam Misi Kunjungan Hormat PESUTM ke Pejabat Naib Canselor. PESUTM diketuai Prof Emeritus Datuk Dr Ahmad Darus selaku Yang DiPertua PESUTM, Tuan Haji Mohd Salleh Mohamed selaku Timbalan Yang DiPertua PESUTM berserta enam barisan exco PESUTM.

PESUTM juga berhasrat agar Universiti dapat memanfaatkan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki para pesara UTM bagi manfaat dalam aspek pembangunan sahsiah, semangat, jati diri, kesihatan dan kerjaya staf Universiti. PESUTM dalam kunjungan ini berterima kasih atas sokongan pihak Universiti selama ini dan menitipkan pertimbangan baik daripada Naib Canselor berhubung penyediaan kemudahan yang boleh dimanfaatkan PESUTM bagi menjayakan peranan dan tanggungjawabnya.

Misi Kunjungan Hormat Naib Canselor

Pejabat Naib Canselor | 7 Mei 2023 jam 12.00 tengah hari

Seramai lapan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM (PESUTM) sesi 2023 - 2025 mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Naib Canselor. Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus selaku Yang Dipertua PESUTM mengetuai delegasi telah disambut dan diraikan oleh Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail di Bilik Mesyuarat Naib Canselor.

Dalam kunjungan hormat, Yang DiPertua PESUTM Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus terlebih dahulu dipersilakan oleh Naib Canselor menyatakan hasrat kunjungan yang dilakukan. Yang DiPertua PESUTM menyatakan bahawa tujuan kunjungan untuk memperkenalkan kepada YBhg Naib Canselor sebahagian daripada 17 barisan Ahli AJK PESUTM sesi 2023/2025 yang baru dilantik semasa Mesyuarat Agung PESUTM kali ke-12 yang telah diadakan pada 19 Mac 2023.

Selain itu, kunjungan ini selari dengan tekad PESUTM menyerlah keberadaan(visibility) dan peranan yang dapat dimainkan PESUTM sebagai entiti UTM kepada UTM dan ahlinya. Menurut Yang DiPertua PESUTM lagi yang lebih penting mendapatkang dukungan baik dan sesungguhnya daripada aYang Bhg Naib Canselor bagi membolehkanPersatuan Pesara UTM yang ditubuhkan pada tahun 2011 mampu memainkan peranan sebagai yang dihasratkan seperti yang terakam dalam Perlembagaan Persatuan Pesara UTM di bawah Fasal 3 (a) - (f).





Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Sebahagian pesara yang hadir dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pesara UTM Kuala Lumpur 2023 mengabadikan kenangan bergambar bersama Hj Roslan Abd Ghani, Setiausaha Persatuan Pesara UTM mewakili Yang DiPertua PESUTM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus bertempat di Foyer A, Bangunan PSZ UTM Kuala Lumpur pada 13 Mei 2023.

Turut disentuh bahawa PESUTM telah melantik Cik Siti Zaiton Borham sebagai Ahli Jawatankuasa Pesara UTM sesi 2023 – 2025 bagi menjadi Ketua Biro Pesara Cabang Kuala Lumpur. Semoga Langkah ini berupaya memastikan urusan hal ehwal pesara Cabang Kuala Lumpur dapat diuruskan dengan teratur, berkesan dan lebih baik lagi.

Bagi menjadikan majlis ini penuh bermakna dan menjadi ingatan bersama acara dititipi dengan sesi bergambar kenangan para pesara di hadapan foyer A Bangunan PSZ UTM Kuala Lumpur. Seterusnya kemeriahan majlis diteruskan dengan acara menikmati juadah raya yang disediakan oleh penganjur seperti soto, sate, kuih-muih, lemang, rendang dan cendol. Bubur kacang turut disediakan sebagai pemanis mulut. Di samping itu, terdapat juga pelbagai jenis kuih muih yang dibawa khas oleh beberapa orang pesara untuk dikongsi bersama. Majlis ini berakhir jam 1.00 petang.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pesara UTM Kuala Lumpur 2023

UTM Jalan Semarak : 13 Mei 2023 jam 9.00 pagi

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pesara UTM Kuala Lumpur telah diadakan pada 13 Mei 2023 bertempat di Foyer A, Bangunan PSZ UTM Kuala Lumpur. Seramai 45 pesara telah hadir memeriah dan menyerikan lagi majlis yang amat dinanti-nantikan bagi para pesara yang mengimpikan silaturrahim.

Suasana kemeriahan majlis diserikan lagi dengan sosok-sosok pesara yang segar dan tampan dengan berbaju Melayu dan berbaju kurung.


Majlis sambutan ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada pengacara majlis Haji Mudzakhir bin Mohd Azib dan diikuti dengan bacaan doa oleh Haji Kamarudin bin Tawi. Majlis ini turut dihadiri oleh Haji Roslan bin Abd Ghani selaku Setiausaha Persatuan Pesara UTM mewakili Yang DiPertua Persatuan Pesara UTM Yang Berbahagia Datuk Profesor Emeritus Dr. Ahmad bin Darus. Haji Roslan bin Abd Ghani selaku Setiausaha Persatuan Pesara UTM merasmikan Majlis Sambutan Hari Raya ini. Dalam ucapan perasmian ini Haji Roslan Abd Ghani menyampaikan salam dan belum terlambat mengucapkan Selamat Hari Raya dan Maaf Zahir Batin pesara khususnya daripada barisan Ahli Jawatankuasa PESUTM sesi 2023 – 2025 kepada

daripada g hadir. Yang D Beliau juga aktif dalam menja

ini dengan cara d lani hidup seharian

Haji Roslan turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Cik Zaiton selaku AJK PESUTM bagi Cabang Kuala Lumpur atas usaha bersama dengan pasukannya menganjurkan majlis ini.







Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail (Naib Canselor UTM), serta ahli Jawatankuasa Eksekutif iaitu Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin (TNC Hal Ehwal Pelajar) dengan diringi oleh Pengarah Pusat Islam, PM Dr. Ahmad Che Yaacob mengunjungi Reruai Persatuan Pesara UTM. Turut menanti kunjungan YBhg Naib Canselor ialah Prof Emeritus Datuk Dr Ahmad Darus selaku Yang DiPertua PESUTM dan barisan exco PESUTM.

Majlis Tautan Ukhuwah Syawal UTM

UTM Ibadat Bahru | 8 Mei 2023 jam 8.00 pagi



tahun-tahun sebelum Persatuan Pesara UTM turut mengambil bahagian.

Ria warna-warni dan meriah dilebih 30 reruai aneka makanan/minuman, dan peragaan di khemah VVIP sempena Majlis Tautan Ukhuwah Syawal UTM yang diadakan hari ini – 8 Mei 2023 | 17 Syawal 1444H bertempat di dataran Agora masih belum menyusut dari imbasan ingatan ... sorotan ceritanya seperti juga

Dalam penyertaan kali ini, reruai PESUTM di pusatkan bersama dengan tujuh reruai jabatan dan Pejabat-pejabat TNC. Reruai PESUTM dengan kelainan tersendiri kekal mengetengahkan juadah tradisinya iaitu ubi rebus sambal cili hijau bilis dan

Sesi majlis bermula dengan Pengarah Pusat Islam, PM Dr. Ahmad Che Yaacob mengiringi Naib Canselor dan ahli Jawatankuasa Eksekutif mengunjungi setiap reruai bertujuan memenuhi matlamat majlis tautan ukhuwah syawal dengan bersilaturrahim bermaaf-maafan sambil bertegur sapa bertanya khabar dengan staf



kelapa bergula.

di reruai

Reruai PESUTM yang diketuai Prof Emeritus Datuk Dr Ahmad Prof. Ts. Dr. Safian Sharif (Pengarah Kampus Pagoh), Prof.

Darus selaku Yang DiPertua PESUTM dan barisan exco PESUTM Dr. Shamsul bin Sahibuddin (TNC Hal Ehwal Pelajar), dan

lain turut menanti/menerima kunjungan Prof. Datuk Ir.

Ahmad Fauzi Ismail (Naib Canselor UTM), serta ahli Jawatankuasa Sepanjang majlis berlangsung walaupun masa yang ada

Eksekutif lain terdiri daripada Prof. Sr. Dr. Hishamudd in

(TNC Akademik & Antarabangsa), Puan Nor Azidah Ismail mendatangi ada juga mengulanginya bagi menikmati

(Pendaftar), Prof. Dr. Rosli Md illias (TNC Penyelidikan & inovasi), kelazatan ubi rebus bersambal cili hijau bilis.

